



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: KASIH
KANAK-KANAK BERSAMA KELAB PEMBIMBING RAKAN SEBAYA
2025**

LOKASI/ TARIKH/ MASA

**DEWAN UTAMA (BALAI BUDAYA) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,
CAWANGAN SARAWAK | 16 OGOS 2025 (SABTU) | 8.45 PAGI**

Kemas kini 15 Ogos 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur
dan Salam Malaysia MADANI.**

SALUTASI

(Akan disediakan)

Terima kasih saudara pengacara majlis.

1. Alhamdulillah, ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Bersama Kelab Pembimbing Rakan Sebaya 2025** pada pagi ini.
2. Terima kasih kepada **Dewan Bahasa dan Pustaka Sarawak** atas kerjasama padu menjayakan program ini. Hari ini kita berkumpul bukan saja untuk mendengar tetapi untuk bertindak demi keselamatan anak-anak kita.

ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK & PEMBIMBING RAKAN SEBAYA (PRS) SEBAGAI EJEN PERUBAHAN

Hadirin yang saya hormati,

3. Program advokasi ini sedikit istimewa oleh kerana buat julung kalinya, dilaksanakan bersama Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) Peringkat Sarawak.

4. Kerjasama ini merupakan salah satu usaha kolektif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak dalam memastikan suara kanak-kanak didengari, hak mereka dihormati dan kesejahteraan mereka terjamin dalam segenap aspek kehidupan.

5. Di sekolah, PRS bukan sekadar, “kawan untuk mendengar masalah” tetapi mereka adalah mata dan telinga, penyampai maklumat dan ejen pelindung kepada rakan-rakan mereka. Saya percaya dengan kesedaran dan empati, mereka dapat mewujudkan persekitaran yang lebih selamat untuk semua di sekolah.

Puan-puan dan tuan-tuan,

6. Objektif program kita pada pagi ini mempunyai **tiga tujuan utama:**

- i. Membekalkan ahli PRS dengan **ilmu dan kemahiran** untuk membantu rakan-rakan yang berdepan dengan masalah mental, sosial atau emosi.

- ii. Mempersiapkan PRS menghadapi **cabaran dunia digital**, termasuk buli siber, ketagihan gajet dan maklumat palsu.

- iii. Memastikan PRS tahu **cara bertindak** sekiranya rakan memerlukan perlindungan. Ini termasuk mengenal pasti tanda-tanda gangguan emosi, mengetahui saluran aduan betul dan bertindak secara etika demi keselamatan rakan-rakan.

7. Dengan program ini, saya yakin ahli-ahli PRS mampu membentuk pemimpin muda yang penyayang, bertanggungjawab dan menjadi agen perubahan yang membawa kebaikan dalam komuniti sekolah dan masyarakat.

STATISTIK SARAWAK MELIBATKAN KES KANAK-KANAK

Hadirin yang saya hormati,

8. Berdasarkan data yang dikemukakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak **bagi tahun 2024**, sebanyak **1,443 kes berkaitan kanak-kanak telah direkodkan di seluruh negeri Sarawak**. Angka ini bukan sahaja statistik, tetapi mencerminkan realiti sebenar kehidupan kanak-kanak yang terdedah kepada pelbagai bentuk risiko sosial dan perlindungan.

9. Daripada jumlah ini:
- i. **574 kes** – Memerlukan pemeliharaan & perlindungan
(Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001)
 - ii. **364 kes** – Kehamilan luar nikah
 - iii. **306 kes** – Terlibat jenayah
 - iv. **53 kes** – Kanak-kanak tidak terkawal
 - v. **36 kes** – Perlindungan segera

10. Inilah sebabnya kita perlukan PRS. Mereka boleh menjadi pengesan awal – tempat rakan meluahkan perasaan, menjadi pelindung pertama kepada mereka yang terdedah kepada penderaan, pengabaian, buli atau tekanan emosi.
11. Setiap angka ini mewakili seorang kanak-kanak yang memerlukan keprihatinan kita. Usaha untuk membantu dan melindungi kanak-kanak ini adalah pelaburan terhadap masa depan kanak-kanak tersebut dan juga komuniti kita di saban hari.

ISU SOSIAL SEMASA – KES BULI

12. Kebelakangan ini, isu buli menjadi semakin membimbangkan. Ianya bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi di peringkat universiti.
13. Kes-kes buli ini berpotensi mengancam nyawa dan ia bukan lagi kes terpencil yang boleh dipandang ringan. Kesan daripada buli boleh berlarutan seumur hidup dan melibatkan trauma, kemurungan, hilang keyakinan malah membawa kepada cubaan bunuh diri.

14. Program advokasi ini memperkuat PRS dan pelajar lain dengan ilmu, kemahiran dan keberanian untuk bersuara. Laporkan dan bertindaklah sekiranya berhadapan dengan kes buli. Bukan sekadar melawan buli tetapi untuk membina budaya hormat, empati dan solidariti dalam kalangan pelajar.
15. Sekiranya berlaku kes-kes seperti ini, ingat nombor ini – Talian Kasih 15999. Jangan berdiam diri. Tindakan anda hari ini boleh menyelamatkan masa depan seseorang.

PENUTUP

16. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada semua pihak atas usaha anda untuk menjayakan program ini. Saya yakin dengan semangat dan kesedaran yang tinggi, kita mampu membina masyarakat yang lebih prihatin, bertanggungjawab dan melindungi setiap kanak-kanak tanpa terkecuali.

17. Akhir kata, 1 rangkap pantun dari saya:

**Raut wajah bersih berseri,
Matanya jernih tiada berdosa,
Anak kecil amanah Ilahi,
Wajib dijaga setiap masa.**

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Bersama Kelab Pembimbing Rakan Sebaya Tahun 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
16 Ogos 2025